

NO SOALAN :411

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
(KANGAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah tentang pembinaan dan pelaksanaan Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Centre-UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centres-RTC) RTC yang telah dibina dan telah beroperasi sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pusat Transformasi Bandar (UTC) merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy - NBOS) bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar.

Pada masa ini, terdapat 18 UTC di seluruh negara yang sedang beroperasi. Manakala dua (2) UTC sedang dalam pembinaan iaitu UTC Perlis dan UTC Negeri Sembilan. Kedua-dua UTC ini dijangka beroperasi pada akhir tahun ini. Seterusnya, penubuhan UTC akan diteruskan di Selangor dan Pulau Pinang iaitu negeri-negeri yang masih belum mempunyai UTC.

Seperti mana dimaklumi, RTC bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti luar bandar. RTC diterajui oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan terkini, sejumlah 11 buah RTC telah dibina diseluruh negara. Sebelas RTC tersebut ialah RTC Johor (Kulaijaya), RTC Melaka (Sungai Rambai), RTC Sarawak (Betong dan Sibuti), RTC Terengganu (Bandar al Muktafibilah), RTC Kelantan (Tunjong), RTC Pahang (Pekan), RTC Perak (Gopeng), RTC Negeri Sembilan (Rembau), RTC Pulau Pinang (Seberang Perai Selatan) dan RTC Kedah (Napoh). Sejak RTC ditubuhkan dalam tahun 2013 sehingga Jun 2017, seramai 33.29 juta pelanggan telah mengunjungi RTC seluruh negara bagi mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelbagai Agensi Kerajaan dan swasta. RTC diharap akan terus berperanan sebagai pusat perkhidmatan sehenti dan pusat informasi Kerajaan bagi masyarakat luar bandar.